

# Syahir dinobat Olahragawan UMP 2015

BERITA HARIAN  
(SUKAN)  
15 APR m/s 53

**Kuantan:** Atlet petanque, Mohammad Syahir Syahmi Hassan dinobatkan sebagai Olahragawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2015 di atas pelbagai kejayaannya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ia adalah kali kedua Mohammad Syahir Syahmi, 23, menerima anugerah itu selepas meraih kali pertama pada 2014.

Antara kejayaan dicapai pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal itu adalah memenangi pingat emas Kejohanan Grand Final IPT 2015 dan pingat emas Kejohanan Petanque Triple Antarabangsa 2015.

Pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan UMP, Nik Afieza Che Azhar pula dinobatkan sebagai Olahragawati UMP 2015 atas kejayaan membantu universiti itu memenangi kejohanan Grand Final Sirkit Bola Jaring IPT.

Atlet bola keranjang, William Soon Siik Yang dan atlet memanah, Nurul Hani Shafiza Hassan masing-masing dinobatkan Olahragawan dan Olahragawati Harapan UMP.

Anugerah disampaikan Pengurus Jatakuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Mohd Johari Hussain pada Malam Penghargaan Sukan UMP2015 dekat sini, malam kelmarin.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim. - Oleh Amin Ridzuan Ishak